Lee Nyak Soy (b/s Tetuan Awly Trading) lwn Hong Leong Leasing Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1-12-83 TAHUN 1996
NIK HASHIM PK
20 OGOS 1997

Acara Sivil — Rayuan — Notis rayuan — Ketidakpatuhan Borang 140 — Rekod rayuan telah disahkan sebagai teratur — Perintah untuk mengemukakan hujah bertulis mengenai kecacatan notis rayuan dibuat — Sama ada prinsip res judicata terpakai — Sama ada penentang diestop dari membangkitkan isu ketidakpatuhan — Sama ada kegagalan untuk mencatatkan bahawa perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan mahkamah sesyen dan membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi adalah serius dan melibatkan bidang kuasa mahkamah — Sama ada ketidakpatuhan adalah suatu luar aturan yang boleh diubati — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 2 k 1(1) & A 49 k 6(2)

Perayu telah memfailkan satu notis rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap keputusan mahkamah sesyen yang telah membenarkan satu penghakiman terus terhadap perayu di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR'). Mahkamah Tinggi telah meminta kedua belah pihak mengemukakan hujah bertulis masing-masing dan menetapkan satu tarikh untuk pendengaran isu notis rayuan yang cacat.

Dalam pendengaran isu itu, penentang telah berhujah bahawa notis rayuan perayu tidak mematuhi Borang 140 KMR kerana notis rayuannya tidak dicatatkan dengan ayat-ayat seperti berikut: (i) 'yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Sesyen'; (ii) 'merayu kepada Mahkamah Tinggi' dan (iii) 'yang memutuskan bahawa'; dan juga butir-butir perintah mahkamah sesyen tidak dinyatakan secara terperinci. Perayu sebaliknya berhujah bahawa soal notis rayuan tidak boleh lagi menjadi suatu isu kerana mahkamah telah memerintah kedua belah pihak supaya mengemukakan hujah bertulis masing-masing. Oleh itu, mahkamah telah membuat satu keputusan dan prinsip res judicata terpakai. Penentang juga diestop daripada membangkitkan isu tersebut kerana sebelum itu, dia telah mengesahkan bahawa rekod rayuan adalah teratur. Perayu juga berhujah bahawa ketidapatuhan tersebut adalah luar aturan yang boleh dipulihkan di bawah A 2 k 1(1) KMR. Maka satu permohonan tidak perlu dibuat terlebih dahulu untuk mengenepikannya. Notis rayuan juga jelas menyatakan bahawa ia adalah satu rayuan terhadap keputusan mahkamah sesyen dan oleh itu, kecacatan dalam notis tidak akan menjadikan rayuan tak sah pada keseluruhannya.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Dalam kes ini, mahkamah belum lagi membuat keputusan baik dari segi substantif atau prosedur. Perintah mahkamah supaya kedua belah pihak mengemukakan hujah-hujah bertulis bukanlah suatu keputusan yang melibatkan prosedur. Perintah tersebut tidak boleh disifatkan sebagai satu keputusan yang menghalang

mahkamah daripada menyemak perkara-perkara am seperti yang terdapat dalam kes ini. Ia juga tidak bererti bahawa mahkamah telah memutuskan atau boleh dianggap sebagai membuat sebarang keputusan bahawa notis rayuan adalah teratur. Maka prinsip res judicata tidak berbangkit (lihat ms 813D–G); *Hartecon JV Sdn Bhd & Anor v Hartela Contractors Ltd* [1996] 2 MLJ 57 dibeza.

(2) Prinsip estopel juga tidak terpakai dalam kes ini kerana kedua belah pihak hanya mengetahui tentang kecacatan notis rayuan tersebut selepas diberitahu oleh mahkamah. Pengetahuan fakta adalah penting dalam undang-undang estopel. Maka penentang selepas diberitahu tentang kecacatan tersebut tidak diestop daripada membantah terhadap notis rayuan yang tidak teratur (lihat ms 813H–I); *Ho Yoke Kwei v Chee Mian Poon* [1997] 2 AMR 1531 dan *Meng Leong Development Pte Ltd v Jip Hong Trading Co Pte Ltd* [1985] 1 MLJ 7 diikut.

(3) Kegagalan untuk mencatat 'yang memutuskan bahawa' dan butir-butir keputusan yang hendak dirayu adalah tidak serius. Catatan yang ada adalah memadai kerana rayuan itu ialah terhadap keseluruhan keputusan mahkamah sesyen dan tidak memerlukan perincian.

Akan tetapi kegagalan untuk mencatatkan bahawa perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan mahkamah sesyen dan membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi adalah serius dan melibatkan bidang kuasa mahkamah. Walaupun notis itu bertajuk 'Dalam Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur' dan didaftar sebagai 'Rayuan Sivil No 12–91–96', catatan dan tanda tersebut bukanlah perkara yang diperuntukkan oleh Borang 140 dan tidak boleh memberi bidang kuasa kepada mahkamah. Aturan 49 k 6(2) KMR menetapkan bahawa rayuan hendaklah dibawa dengan memfailkan suatu notis rayuan dalam Borang 140 dan peruntukan A 49 k 6(2) adalah mandatori disebabkan penggunaan perkataan 'hendaklah'. Kegagalan perayu untuk mematuhi Borang 140 adalah terang suatu kegagalan yang substantial dan mengakibatkan notis rayuan perayu menjadi tak sah. Maka kecacatan notis rayuan itu masih wujud kerana tiada permohonan untuk mengenepikannya. Tanpa notis rayuan yang sah, mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk melayan rayuan perayu (lihat ms 815H–I dan 816C–H); *Secretary of State for Defence v Warn* [1970] AC 394 diikut.

Obiter:

Autoriti-autoriti menunjukkan bahawa mahkamah boleh bertindak dan membuat keputusan atas apa-apa isu yang relevan dalam sesuatu kes menurut meritnya serta berdasarkan undang-undang. Jadi, mahkamah ini juga boleh bertindak sebelum pendengaran rayuan sebenar bermula untuk membangkitkan dan menentukan sama ada notis rayuan yang telah difailkan dapat diterima atau tidak dalam rayuan ini (lihat ms 814F).

[English summary

The appellant had filed a notice of appeal at the High Court against the decision of the sessions court which had allowed summary judgment against the appellant under O 26A of the Subordinate Courts Rules 1980 ('the SCR'). The High Court asked both parties to tender their respective written submissions and set a date for hearing the issue of the defective notice of appeal.

At the hearing of the said issue, the respondent had submitted that the appellant's notice of appeal did not comply with Form 140 of the SCR because certain words did not appear in the notice of appeal as follows: (i) 'being dissatisfied with the decision of the Sessions Court'; (ii) 'appeals to the High Court'; and (iii) 'as decides that'; and also particulars of the sessions court order were not set out in detail. On the other hand, the appellant submitted that the question of the notice of appeal could no longer be an issue because the court had ordered both parties to tender their respective written submissions. Therefore, the court had made a decision and the principle of res judicata applied. The respondent was also estopped from raising the issue because he had previously certified that the appeal records were in order. The appellant also argued that the non-compliance was an irregularity which could be cured under O 2 r 1(1) of the SCR. Thus it was not necessary to make an earlier application to waive it. The notice of appeal also clearly stated that it was an appeal against the decision of the sessions court and therefore, the defect in the notice did not invalidate the appeal entirely.

Held, dismissing the appeal:

(1) In this case, the court had not yet made any substantive or procedural decision. The court order that both parties tender written submissions was not a decision involving procedure. The order could not be described as a decision which prevented the court from revising general matters as found in this case. Neither did it mean that the court had decided or could be deemed to have made any decision that the notice of appeal was in order. Therefore the principle of res judicata did not arise (see p 813D–G); *Hartecon JV Sdn Bhd & Anor v Hartela Contractors Ltd* [1996] 2 MLJ 57 distinguished.

(2) The principle of estoppel was also inapplicable in this case because both parties only came to know of the defective notice of appeal upon being informed by the court. Knowledge of facts is important in the law of estoppel. Thus after having been informed of the defect the respondent was not estopped from objecting to the defective notice of appeal (see p 813H–I); *Ho Yoke Kwei v Chee Mian Poon* [1997] 2 AMR 1531 and *Meng Leong Development Pte Ltd v Jip Hong Trading Co Pte Ltd* [1985] 1 MLJ 7 followed.

(3) Failure to state 'as decides that' and the grounds of the decision to be appealed against was not serious. What was stated would

suffice because the appeal was against the whole decision of the sessions court and details were unnecessary.

However, the failure to state that the appellant was dissatisfied with the decision of the sessions court and that there was an appeal to the High Court was serious and involved the court's jurisdiction. Although the notice was titled 'In the High Court at Kuala Lumpur' and was registered as 'Civil Appeal No 12–91–96' the notation and marks were not matters provided for by Form 140 and could not confer jurisdiction on the court. Order 49 r 6(2) of the SCR stipulated that an appeal shall brought by filing a notice of appeal in Form 140 and the provision of O 49 r 6(2) was mandatory because of the use of the word 'shall'. The appellant's failure to comply with Form 140 was clearly a failure which was substantial and rendered the appellant's notice of appeal invalid. Thus the defect in the notice of appeal still existed because there was no application to waive it. Without a valid notice of appeal, the court did not have jurisdiction to entertain the appellant's appeal (see pp 815H–I and 816C–H); *Secretary of State for Defence v Warn* [1970] AC 394 followed.

Obiter:

Authorities showed that the court can act and decide on any relevant issue in a case in accordance with its merit and based on the law. Therefore, this court could also act before the actual hearing commenced to raise and determine whether the notice of appeal which had been filed could be accepted or not in this appeal (see p 814F).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai notis rayuan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 567–602 dan 699.

Kes-kes yang dirujuk

Hartecon JV Sdn Bhd & Anor v Hartela Contractors Ltd [1996] 2 MLJ 57 (dibeza)

Ho Yoke Kwei v Chee Mian Poon [1997] 2 AMR 1531 (diikut)

Hong Kim Sui & Anor v Malayan Banking Bhd [1971] 1 MLJ 289 (dirujuk)

Meng Leong Development Pte Ltd v Jip Hong Trading Co Pte Ltd [1985] 1 MLJ 7 (diikut)

Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour and Manpower [1983] 2 MLJ 54 (dirujuk)

S Ravi a/l G Suppiah v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1995] 2 CLJ 152 (dirujuk)

Secretary of State for Defence v Warn [1970] AC 394 (diikut)

Societie Banque v Girdhari 1940 AIR PC 90 (dirujuk)

TR Hamzah & Yeang Sdn Bhd v Lazar Sdn Bhd [1985] 2 MLJ 45 (dirujuk)

Tara Rajaratnam v Datuk Jaginder Singh & Ors [1981] 1 MLJ 97 (dirujuk) A

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 49 k 6(2), A 26A
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 2 kk 1(1), 1(2), A 41 k 3, A 53 k 1A B

B Thangaraj (*K Kali* bersamanya) (*Thangaraj & Associates*) bagi perayu.
WL Tang (*Tengku Azlina bte Tengku Ismail* bersamanya) (*KC Yap Kamaludin & Partners*) bagi penentang. C

Cur Adv Vult

Nik Hashim PK: Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, pada 16 Mac 1996, atas permohonan pihak Hong Leong Leasing Sdn Bhd ('penentang'), telah membenarkan penghakiman terus terhadap Lee Nyak Soy ('perayu') di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR') untuk sejumlah wang sebanyak RM181,482.27 dengan faedah atas kadar 8% setahun serta kos. Terhadap keputusan ini pihak perayu memfailkan satu notis rayuan. D

Notis rayuan yang difailkan berbentuk seperti berikut: E

Notis Rayuan

Ambil perhatian bahawa Lee Nyak Soy (berniaga sebagai Tetuan Awly Trading), Perayu/Defendan yang dinamakan di atas bercadang hendak merayu terhadap keseluruhan keputusan Yang Arif Tuan Kamardin bin Hashim, hakim Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur yang diberikan pada 16 Mac 1996. F

Bertarikh pada 18 Mac 1996.

tt

.....
Peguamcara bagi pihak Perayu G

Pada 16 Mei 1997, apabila kes dipanggil untuk pendengaran rayuan, mahkamah dapati notis rayuan adalah defektif kerana ia tidak mematuhi Borang 140 dan meminta kedua belah pihak mengemukakan hujah bertulis masing-masing dan telah menetapkan tarikh lain untuk pendengaran atas perkara yang dibangkitkan oleh mahkamah itu. Sebelum itu, pada 6 Mac 1997 mahkamah telah pun perintah kedua belah pihak mengemukakan hujah bertulis mengenai rayuan (lampiran 2). H

Oleh kerana keputusan mahkamah sesyen di bawah A 26A telah dibuat tidak selepas perbicaraan, maka peruntukan yang terpakai mengenai rayuan terhadap keputusan tersebut ialah A 49 k 6 KMR yang berbunyi: I

(1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Aturan ini, sesuatu rayuan hendaklah dibuat kepada Hakim di dalam Kamar terhadap

A mana-mana keputusan yang dibuat oleh Mahkamah selain daripada keputusan yang dibuat selepas perbicaraan.

(2) Rayuan hendaklah dibawa dengan memfailkan suatu notis rayuan dalam Borang 140 dalam masa 14 hari dari hari keputusan itu diumumkan, dan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada tiap-tiap pihak lain dalam prosiding itu dalam masa yang dihadkan bagi pemfailan rayuan B kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Encik B Thangaraj bagi pihak perayu berhujah bahawa soal notis rayuan tidak boleh lagi menjadi satu isu kerana mahkamah telah pun membuat perintah kepada kedua belah pihak supaya mengemukakan hujah-hujah bertulis. Oleh itu, mahkamah telah membuat suatu keputusan dan C keputusan itu mengikat kedua-dua pihak dan oleh yang demikian, prinsip res judicata terpakai, dan memetik *Hartecon JV Sdn Bhd & Anor v Hartela Contractors Ltd* [1996] 2 MLJ 57 untuk menyokongnya. Pihak penentang juga diestop dari membangkitkan isu notis rayuan kerana sebelum itu, dia telah mengesahkan sendiri bahawa rekod rayuan adalah teratur.

D Dalam kes ini, mahkamah belum lagi membuat sebarang keputusan baik di segi substantif atau prosedur. Apa yang mahkamah telah lakukan ialah ia telah mengarahkan atau memerintahkan supaya kedua belah pihak mengemukakan hujah-hujah bertulis mengenai rayuan selepas kedua belah pihak mengesahkan rekod rayuan adalah teratur. Perintah mahkamah memerintahkan hujah-hujah bertulis dikemukakan ke mahkamah bukanlah E suatu keputusan yang melibatkan prosedur. Perintah itu dibuat semata-mata supaya kedua-dua belah pihak bersedia dengan pendengaran rayuan pada hari yang ditetapkan. Perintah untuk menyediakan hujah-hujah bertulis tidak boleh disifatkan sebagai satu keputusan yang menghalang pihak mahkamah daripada menyemak perkara-perkara am seperti yang terdapat F dalam kes ini. Tindakan mahkamah memerintah hujah-hujah difailkan tidak bererti mahkamah telah memutuskan atau boleh dianggap sebagai membuat suatu keputusan bahawa rekod rayuan adalah teratur. Mahkamah belum lagi membuat sebarang keputusan sama ada rekod rayuan atau notis rayuan itu teratur atau tidak. Mahkamah belum lagi functus officio dalam apa-apa persoalan mengenai rekod rayuan atau notis rayuan. Oleh sebab mahkamah G belum lagi membuat apa-apa keputusan dan tidak ada sebarang keputusan dibuat, maka prinsip res judicata tidak berbangkit dan kes *Hartecon* di atas tidak relevan dan terpakai. Kedua-dua pihak tidak menjangka isu yang telah dibangkitkan oleh mahkamah. Walaupun begitu, atas prinsip keadilan, mereka telah diberi peluang untuk berhujah. Oleh itu, tidak timbul soal H salah laksana keadilan berlaku dalam kes itu. Prinsip estopel juga tidak terpakai di dalam kes ini kerana kedua-dua pihak hanya mengetahui perkara sebenar mengenai notis rayuan yang defektif itu selepas diberitahu oleh mahkamah. Pengetahuan fakta memainkan peranan penting dalam pemakaian undang-undang estopel (sila lihat *Ho Yoke Kwei v Chee Mian Poon* [1997] 2 AMR 1531 dan *Meng Leong Development Pte Ltd v Jip Hong* I *Trading Co Pte Ltd* [1985] 1 MLJ 7). Oleh itu, tanpa pengetahuan bahawa notis rayuan itu defektif, maka prinsip estopel tidak terpakai terhadap penentang, dengan itu beliau, selepas diberitahu, tidak diestopkan daripada membangkit dan membantah terhadap notis rayuan yang tidak teratur itu.

Mahkamah berhak memutuskan sesuatu isu menurut meritnya dan mahkamah tidak terhalang untuk membetulkan sesuatu isu itu menurut undang-undang (*Societie Banque v Girdhari* 1940 AIR PC 90). Dalam kes *Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour and Manpower* [1983] 2 MLJ 54, Mahkamah Persekutuan telah bertindak dari awal dengan sendiri tanpa bangkitan oleh mana-mana pihak dengan membangkitkan bahawa kebenaran untuk mendapatkan perintah certiorari telah diberi di luar bidang kuasa Mahkamah Tinggi kerana kebenaran tersebut telah diberi di luar tempoh enam minggu sebagaimana yang ditetapkan di bawah A 53 k 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Oleh itu, mahkamah telah menolak rayuan untuk mendapatkan perintah certiorari. Manakala dalam satu kes lagi, *S Ravi a/l G Suppiah v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1995] 2 CLJ 152, suatu permohonan untuk mendapatkan writ habeas corpus di Mahkamah Tinggi di mana Low Hop Bing PK (beliau ketika itu) selepas mendengar hujah-hujah oleh kedua belah pihak dan semasa menyediakan alasan penghakiman yang beliau telah rezabkan, telah mendapati bahawa afidavit pemohon dalam Bahasa Melayu walhal pemohon telah menandatangani dalam Bahasa Tamil. Tidak ada keterangan dalam afidavit bahawa pemohon faham Bahasa Melayu menurut peruntukan di bawah A 41 k 3 KMT. Atas alasan tersebut, walaupun isu afidavit tidak dibangkitkan oleh mana-mana pihak sebelum, mahkamah memutuskan bahawa afidavit sedemikian tidak boleh diterima dan digunakan sebagai keterangan, dan oleh itu, tanpa keterangan, permohonan itu telah ditolak.

Autoriti-autoriti di atas secara analogi menunjukkan bahawa mahkamah boleh bertindak dan membuat keputusan atas apa-apa isu yang relevan dalam sesuatu kes menurut meritnya serta berdasarkan undang-undang. Jadi, mahkamah ini juga boleh bertindak sebelum pendengaran rayuan sebenar bermula untuk membangkitkan dan menentukan sama ada notis rayuan yang telah difailkan dapat diterima atau tidak dalam rayuan ini.

Aturan 49 k 6(2) KMR menetapkan penggunaan Borang 140 bagi membuat rayuan seperti dalam Jadual A:

No 140
Notis Rayuan

Ambil perhatian bahawa ..... (1) *yang tidak puas hati* dengan keputusan Mahkamah Sesyen/Majistret di ..... yang diberikan pada ..... haribulan ..... 19..... *merayu kepada Mahkamah Tinggi* terhadap sama ada keseluruhan keputusan tersebut atau sebahagian daripada keputusan tersebut *yang memutuskan bahawa*

(nyatakan *butir-butirnya* terperinci)

Bertarikh pada ... haribulan ... 19 ...

Perayu
Peguamcara bagi Perayu
(Penekanan ditambah.)

A Kepada:

Pendaftar, Mahkamah Sesyen di .....
Majistret di .....
dan kepada ..... (2)

B NOTA:

(1) Masukkan nama Perayu
(2) Masukkan nama dan alamat Penentang atau Penentang-Penentang

Encik WL Tang bagi pihak penentang mengatakan perayu telah tidak mematuhi Borang 140 kerana notis rayuannya tidak dicatatkan dengan C ayat-ayat seperti berikut:

(i) 'yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Sesyen'
(ii) 'merayu kepada Mahkamah Tinggi'
(iii) 'yang memutuskan bahawa'

D dan butir-butir perintah mahkamah sesyen tidak dinyatakan secara terperinci. Oleh sebab kecacatan tersebut, dan tanpa permohonan untuk memulihkan kecacatan, beliau berhujah bahawa perayu tidak berkompeten untuk meneruskan rayuan kerana dengan notis rayuan yang defektif itu, maka tidak ada rayuan di hadapan mahkamah.

E Manakala En B Thangaraj berhujah bahawa ketidakpatuhan Borang 140 adalah satu luar aturan yang boleh diubati di bawah A 2 k 1(1) KMT yang memerlukan kepada satu permohonan dibuat terlebih dahulu untuk mengenepikannya. Beliau memetik *Tara Rajaratnam v Datuk Jaginder Singh & Ors* [1981] 1 MLJ 97 dan *Hong Kim Sui & Anor v Malayan Banking Bhd* [1971] 1 MLJ 289 sebagai autoriti. Beliau juga mengatakan F notis rayuan yang difailkan jelas menyatakan ia adalah untuk merayu daripada keputusan mahkamah sesyen yang diberi pada 16 Mac 1996 dan oleh itu, katanya lagi, bahawa kecacatan yang terdapat tidak 'invalidate' rayuan itu pada keseluruhannya dan memetik *TR Hamzah & Yeang Sdn Bhd v Lazar Sdn Bhd* [1985] 2 MLJ 45 untuk menyokongnya.

G Selepas mengkaji hujah-hujah dan kes-kes yang telah dikemukakan oleh kedua belah pihak, adalah dalam penghakiman saya bahawa notis rayuan yang telah difailkan oleh perayu adalah cacat atas banyak perkara. Sebelum pergi kepada kecacatan, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh penentang bahawa notis rayuan tidak mengandungi H perkara ketiga, iaitu 'Yang memutuskan bahawa' dan butir-butir keputusan yang hendak dirayukan, saya berpendapat catatan yang ada adalah memadai kerana rayuan ini ialah terhadap keseluruhan keputusan dan oleh itu, ia tidak memerlukan kepada perincian. Akan tetapi, kegagalan pihak perayu mencatatkan bahawa dia tidak puas hati terhadap keputusan mahkamah sesyen dan tidak menyebut merayu kepada Mahkamah Tinggi yang dia I hendak merayu, adalah serius, yang melibatkan bidang kuasa mahkamah. Catatan atas kedua perkara tersebut merupakan suatu peruntukan asas Borang 140. Tanpa sebutan bahawa perayu tidak puas hati terhadap keputusan mahkamah sesyen, maka rayuan tidak timbul kerana rayuan

hanya boleh dibuat apabila perayu tidak puas hati. Dalam kes ini, tidak ada tanda bahawa perayu tidak puas hati terhadap keputusan tersebut. Bercadang hendak merayu adalah tidak mencukupi. Notis rayuan juga tidak menentukan mahkamah mana rayuan hendak dibuat. Ketiadaan catatan sedemikian mengakibatkan mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar rayuan tersebut, walaupun tajuk di atas notis itu tertera dengan ayat 'Dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur' dan didaftarkan sebagai 'Rayuan Sivil No 12–91–96'. Catatan dan tanda di atas adalah bukan merupakan perkara yang diperuntukkan dalam Borang 140. Catatan dan tanda tersebut tidak boleh memberi bidang kuasa kepada mahkamah. Aturan 49 k 6(2) KMR menetapkan bahawa rayuan hendaklah dibawa dengan memfailkan suatu notis rayuan dalam Borang 140. Sesungguhnya, KMR adalah digubalkan untuk dipatuhi bagi memudahkan prosiding di mahkamah. Borang 140 jelas menunjukkan bahawa ia bukan suatu peruntukan yang susah atau rumit untuk dipatuhi. Malah ia selalu digunakan oleh litigan dan mudah dipatuhi. Walau bagaimanapun, peruntukan A 49 k 6(2) adalah suatu obligasi dan oleh itu, mandatori kerana terdapatnya dalam kaedah itu penggunaan perkataan 'hendaklah' dan juga, tidak ada apa-apa dalam peruntukan kaedah itu yang menunjukkan maksud sebaliknya seperti yang dikata oleh Lord Hodson dalam penghakimannya dalam *Secretary of State for Defence v Warn* [1970] AC 394 di ms 402: 'Procedural sections are usually mandatory and there is nothing which points to the contrary in this case'. Dalam kes ini, perayu telah dengan sengaja memfailkan notis rayuan dalam bentuk sedemikian. Perayu adalah pencipta notis rayuannya sendiri. Jadi perayu mestilah menanggung akibatnya. Selagi tidak ada permohonan untuk mengenepikan kecacatan notis rayuan tersebut, selagi itulah kecacatan itu wujud (lihat A 2 k 1(2) KMT). Oleh itu, saya dengan hormatnya, tidak bersetuju dengan hujah perayu yang mengatakan satu permohonan untuk mengenepikan kecacatan tidak perlu dibuat terlebih dahulu (lihat *Ho Yoke Kwei* dan 'The Function of Procedural Law' oleh Dato' Faiza Tamby Chik, INSAF (April 1996) di ms 89).

Kegagalan perayu untuk mematuhi Borang 140 dalam kes ini adalah terang suatu kegagalan yang substantial, yang mengakibatkan notis rayuan itu menjadi satu notis rayuan yang tidak sah seperti mana yang dikehendaki oleh KMR. Tanpa notis rayuan yang sah, maka tidak ada rayuan di hadapan mahkamah dalam kes ini. Dengan notis rayuan yang difailkan, mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk melayan rayuan perayu. Oleh yang demikian, saya membatalkan rayuan perayu dengan kos.

Rayuan dibatalkan.

Dilaporkan oleh Lim Kuan Yew